

1 Februari 2011 (Selasa) - Kampung Baru pasti dimajukan

PUTRAJAYA 1 Feb - Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar akan berusaha memastikan Perbadanan Pembangunan Kampung Baru, yang akan menjalankan fungsi seperti memaju, menyelaras dan menyelia pembangunan di Kampung Baru, diwujudkan pada tahun ini juga. Menterinya, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, untuk tujuan itu, kementerian akan membentangkan Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampung Baru untuk bacaan kali kedua dan ketiga di Parlimen pada tahun ini. "Ia selaras dengan hasrat kerajaan dan para pemilik serta pewaris tanah untuk melihat kawasan penempatan Melayu yang strategik dan bersejarah itu dibangunkan ke tahap maju dan menguntungkan, sesuai dengan kedudukannya di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur," katanya. Raja Nong Chik berkata demikian ketika menyampaikan ucapan menjunjung kasih sempena istiadat pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat Wilayah Persekutuan yang disempurnakan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin di Balairong Seri Istana Melawati, di sini. Menteri itu berkata, bacaan kali pertama rang undang-undang itu telah dibentangkan di Parlimen pada sesi Dewan Rakyat yang lalu.

Kawasan Kampung Baru yang berusia 110 tahun meliputi tujuh buah kampung terletak di atas tanah seluas 90.2 hektar dan kini didiami kira-kira 35,000 penduduk. Pada istiadat itu, Tuanku Mizan berkenan menyampaikan darjah kebesaran, bintang dan pingat Wilayah Persekutuan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2011 kepada 256 penerima. Turut hadir, Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah; Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Tahun ini merupakan kali keempat darjah kebesaran, bintang dan pingat Wilayah Persekutuan dianugerahkan kepada individu-individu yang berjasa membangunkan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. - BERNAMA

2 Februari 2011 (Rabu) - PCB baru kurangkan beban tunggakan pembayar cukai

KUALA LUMPUR 2 Feb. – Potongan Cukai Bulanan (PCB) baru akan mengurangkan beban tunggakan kepada pembayar cukai selain memastikan jumlah potongan cukai pada keseluruhannya menyamai cukai taksiran pada tahun yang dinilai. "PCB baru juga akan memberi manfaat kepada pekerja kerana mereka akan diberi potongan atau rebat sebaik sahaja membuat transaksi," kata Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), Datuk Dr Mohd Shukor Mahfar. Ini bermakna pembayar cukai akan mendapat pelepasan cukai atau rebat sebelum taksiran cukai dikira, katanya pada sidang media khas mengenai isu potongan cukai berjadual di sini hari ini. LHDN telah memperkenal PCB baru pada 2009 bagi menggantikan potongan cukai berjadual yang diguna pakai sebelum ini dan perlaksanaan dibuat pada bulan Januari tahun lepas. Beliau berkata, PCB baharu bertujuan memperkenalkan kaedah pengiraan saraan tambahan baharu yang lebih tepat di mana ia bakal sama seperti pengiraan cukai tambahan sebenar. – Bernama.

3 Februari 2011 (Khamis) - PTPTN peruntuk RM5.8 bilion untuk pinjaman tahun ini

TEMERLOH 3 Feb. - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memperuntukkan RM5.8 bilion untuk pinjaman kepada pelajar ke institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara pada tahun ini. Pengurusnya, Datuk Ismail Mohamed Said berkata, pada tahun lepas PTPTN memberikan pinjaman lebih RM4 bilion kepada 210,000 pelajar. Beliau bercakap kepada pemberita pada majlis sambutan perayaan Tahun Baru Cina kawasan Parlimen Kuala Krau, anjuran MCA Bahagian Kuala Krau di sini hari ini. Ismail berkata, sejak ditubuhkan pada 1997, PTPTN telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM24 bilion kepada 1.3 juta pelajar pelbagai kaum. Katanya, sehingga akhir tahun lepas, hanya RM2.3 bilion bayaran balik berjaya dikutip walaupun pelbagai peringatan dibuat kepada peminjam. Ismail yang juga Ahli Parlimen Kuala Krau berkata, seramai 78,000 individu yang disenarai hitam kerana liat menjelaskan pinjaman berjaya dikesan. Beliau berkata, kira-kira 7,400 daripada mereka telah menjelaskan pinjaman manakala selebihnya terus berdiam diri. - Bernama

3 Februari 2011 (Khamis) - Peruntukan tambahan PTPTN 1.8 bilion

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD utusanpahang@utusan.com.my

KUALA KRAU 3 Feb. - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengeluarkan peruntukan tambahan sebanyak RM1.8 bilion lagi untuk pelajar melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam dan luar negara tahun ini. Pengurus PTPTN, Datuk Ismail Mohamed Said berkata, dengan pertambahan itu, jumlah peruntukan dikeluarkan setakat ini adalah sebanyak RM5.8 bilion, berbanding RM4 bilion pada tahun lalu. Beliau menjelaskan, pertambahan peruntukan itu perlu dilakukan berikutan pertambahan bilangan pelajar yang melanjut pengajian ke IPT dalam dan luar negara. "Pada tahun lalu, PTPTN memberi pinjaman lebih RM4 bilion kepada 210,000 pelajar, manakala tahun ini bilangan yang memohon pinjaman turut meningkat," katanya. Beliau menjelaskan demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Tahun Baru Cina peringkat Parlimen Kuala Krau di sini hari ini. Ismail yang juga Ahli Parlimen Kuala Krau berkata, sejak ditubuhkan tahun 1997, PTPTN telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM24 bilion kepada 1.3 juta pelajar pelbagai kaum untuk membiayai pengajian di IPT. "Bagaimanapun sikap negatif peminjam yang liat membayar pinjaman setelah bekerja sangat dikesalkan kerana ia menjelaskan pusingan tabung untuk disalurkan kepada pelajar lain," katanya. Sehingga akhir tahun lalu, jelasnya, hanya RM2.3 bilion berjaya dikutip walaupun pelbagai peringatan dan rayuan dibuat kepada peminjam terbabit. Sehubungan itu, ujar beliau, pihaknya terpaksa bekerjasama dengan polis dan Jabatan Imigresen sejak 2008 untuk mengesan peminjam terbabit. Katanya, pada masa ini, seramai 78,000 orang yang disenaraihitamkan kerana liat menjelaskan pinjaman, berjaya dikesan pihak Jabatan Imigresen dan polis. "Kira-kira 7,400 daripada mereka telah menjelaskan pinjaman tersebut, manakala disenaraihitamkan serta tidak dibenarkan keluar negara. "Kita sedia memberikan pertimbangan sewajarnya jika peminjam menghadapi masalah untuk membayar pinjaman tetapi hendaklah datang berunding dan tidak mendiamkan diri atau sengaja menyembunyikan diri," katanya.

3 Februari 2011 (Khamis) - Perbendaharaan jelaskan isu pinjaman projek rumah terbengkalai

BAHAGIAN Pinjaman Perumahan (BPP) Perbendaharaan Malaysia ingin merujuk kepada aduan Mohd. Nordin Ismail, Dengkil bertajuk Mangsa rumah terbengkalai inginkan penjelasan yang disiarkan di ruangan ini pada 31 Januari 2011. Untuk makluman pengadu, Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2011 memberi kemudahan berikut kepada peminjam yang terlibat dengan projek terbengkalai/ bermasalah: Membatalkan pinjaman dan kadar faedah dikecualikan mulai dari tarikh surat pengesahan projek terbengkalai/bermasalah oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan(KPKT)/ pihak berkuasa yang berkenaan; dan bagi peminjam yang ingin meneruskan pinjaman, pengecualian faedah diberikan mulai dari tarikh surat pengesahan projek terbengkalai/bermasalah oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan(KPKT)/ pihak berkuasa yang berkenaan tertakluk kepada maksimum lima (5) tahun. Bagaimanapun, pengecualian faedah ini ditamatkan mulai tarikh baucer bayaran pertama dikeluarkan setelah projek dipulihkan. Sehubungan itu pengadu perlu mendapatkan surat pengesahan projek terbengkalai daripada pihak KPKT terlebih dahulu dan mengemukakannya kepada BPP bersama pilihan kemudahan yang diberi untuk tindakan BPP. Bagaimanapun, prosedur pinjaman perumahan perbendaharaan tidak membenarkan arahan potongan gaji diberhentikan selagi bayaran balik pinjaman tidak diselesaikan. Pengadu dinasihatkan menghubungi BPP melalui emel azline.tajudin@treasury.gov.my atau talian 03 - 88802121 dengan mengemukakan nombor kad pengenalan untuk tindakan seterusnya. AZLINE TAJUDIN,Bahagian Pinjaman Perumahan,Perbendaharaan Malaysia.

10 Februari 2011 (Khamis) - 80 kakitangan Jabatan Audit Negara ikuti program ijazah di UUM

SEREMBAN 10 Feb. – Sebanyak 80 kakitangan Jabatan Audit Negara (JAN) akan menjadi kumpulan pertama mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan secara separuh masa melalui kerjasama strategik antara jabatan itu dengan Universiti Utara Malaysia (UUM). Kumpulan tersebut yang rata-ratanya bertugas sebagai pembantu ketua kumpulan audit akan mula mengikuti pengajian tersebut mulai Mac ini dengan tempoh pengajian selama empat tahun. Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, tujuan penganjuran kursus tersebut adalah bagi memberi peluang kakitangan JAN terutamanya di kalangan kakitangan bawahan meningkatkan tahap akademik mereka sekaligus meningkatkan tahap profesionalisme jabatan tersebut. Beliau berkata, ia juga sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan rakyat negara ini berpendapatan tinggi melalui peluang menimba ilmu pengetahuan di institusi pengajian tinggi. “Memandangkan kursus ini dijalankan secara separuh masa, para pensyarah UUM yang terbabit dalam kursus itu akan datang ke Akademi Audit Negara di Nilai atau mana-mana lokasi yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak untuk mengajar,” katanya kepada para pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian antara JAN dengan UUM di Akademi Audit Negara, di Nilai dekat sini semalam. Perjanjian itu ditandatangani oleh JAN yang diwakili oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dan Pengarah Akademi Audit Negara, Abdul Wahab Ahmad manakala UUM diwakili oleh Mohamed Mustafa dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Rosna Awang-Hashim. Mengulas mengenai kerjasama itu, Ambrin berkata, ia adalah sebahagian daripada usaha yang dilakukan oleh jabatan itu meningkatkan modal insan di kalangan kakitangan yang tidak mempunyai ijazah.

11 Februari 2011 (Jumaat) - Jangan kongkong budaya akademia pensyarah



ZAINI Hassan (kanan) berucap di forum *Perlunya Rejuvenasi Budaya Akademik* yang turut disertai sebagai panel, Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar (dua, kiri), Mior Kamarul Shahid (dua, kanan) dan selebriti Fahrin Ahmad sebagai moderator (kiri) sempena Persidangan Akademik 2011 bertempat di Dewan Agong Tuanku Canselor di UiTM, Shah Alam, semalam. Persidangan itu dihadiri oleh 4,000 kakitangan UiTM.

SHAH ALAM 11 Feb. - Para pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM) tidak seharusnya terikat dengan kerentak birokrasi yang ketat bagi membolehkan mereka bebas melontarkan idea dalam konteks akademik. Penolong Ketua Pengarang 1 Kumpulan Utusan, Datuk Zaini Hassan berkata, ini bagi membolehkan kecemerlangan UiTM yang selama ini melahirkan graduan yang hebat dapat diteruskan. "Langkah UiTM untuk menjadi universiti yang menghasilkan seramai 250,000 pelajar dalam satu-satu masa harus diseimbangkan dengan hasil yang berkualiti. "Oleh itu, budaya akademia para pensyarah harus lebih terbuka. Dengan cara itu sahaja mereka dapat melahirkan pelajar yang hebat," katanya semasa menjadi panel dalam forum bertajuk: *Perlunya Rejuvenasi Budaya Akademik Universiti* sempena Persidangan Akademik 2011 yang berlangsung pada 10 hingga 12 Mac ini di Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) di sini hari ini. Kata Zaini, UiTM juga perlu mencari jalan supaya dapat terus melahirkan siswazah yang lebih berkualiti. "Selain itu pihak universiti juga perlu memberi ruang kepada pihak swasta supaya kedua-duanya dapat menjalinkan kerjasama agar para pelajar mereka dapat dilatih serta dide dahukan dengan dunia pekerjaan sebenar. "Ia penting kerana ini akan membuatkan para pelajar lebih bersedia dengan situasi serta suasana kerja sekali gus dapat melahirkan lulusan yang telah bersiap sedia menghadapi tekanan kerja pada bila-bila masa," jelasnya.

Turut menjadi panel dalam forum itu ialah, Naib Canselor UiTM, Prof. Datuk Dr. Ir. Sahol Hamid Abu Bakar dan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid. Forum itu dipengerusikan oleh selebriti terkenal, Fahrin Ahmad yang juga lepasan UiTM dalam bidang undang-undang. Dalam pada itu, Sahol Hamid berkata, beliau kecewa kerana ada ahli akademik pada hari ini hanya mementingkan soal gaji dan kenaikan pangkat serta tidak menganggap mendidik anak bangsa itu sebagai satu kepuasan. "Semua pihak di dalam sesuatu universiti sepatutnya berperanan dalam usaha melahirkan graduan yang berkualiti. "Ahli akademik perlu ada semangat dedikasi dan mereka perlu menanam minat dalam mendidik anak bangsa," katanya. Dalam pada itu, Mior Kamarul pula berkata, IPT di negara ini perlu mencontohi UiTM yang telah berjaya melahirkan ramai siswazah berkualiti yang kini berjaya dalam bidang diceburi.

12 Februari 2011 (Sabtu) - Kerajaan komited tingkat sistem pengangkutan



MUHYIDDIN Yassin membuat tinjauan pengangkutan awam di sekitar ibu kota, semalam. Turut sama Kong Cho Ha.

KUALA LUMPUR 12 Feb. – Kerajaan komited untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam di Lembah Klang dengan sasaran jumlah penggunaan pengangkutan itu meningkat kepada 21 peratus tahun ini. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, antara aspek yang diberi keutamaan ialah mengintegrasikan sistem pengangkutan awam dan menambah baik kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU). Beliau yakin sistem pengangkutan awam di ibu kota dapat disepakukan dalam tempoh setahun berdasarkan pelbagai penambahbaikan yang telah dan sedang dilaksanakan. "Ini untuk memudahkan pengguna. Sudah ada usaha dibuat untuk proses integrasi itu. Sebahagiannya di peringkat pembinaan. Untuk itu dalam tempoh setahun ini kita jangka ia dapat dilaksanakan. "Sistem pengangkutan awam menjadi satu perkara penting dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan ia mempunyai kaitan dengan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Greater Kuala Lumpur-Lembah Klang. "Untuk 2012 kita menyasarkan penggunaan perkhidmatan awam di Lembah Klang meningkat kepada 25 peratus berbanding 17 peratus tahun ini. Buat masa ini, sistem pengangkutan bas dan rel kendalian Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. (RapidKL) membawa seramai 150,000 penumpang pada waktu puncak di sebelah pagi setiap hari berbanding 139,500 orang pada 2009," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau perkhidmatan bas dan LRT di ibu kota dan dalam lawatan itu, Muhyiddin dibawa menaiki bas U82 dari Wisma UOA di Damansara ke KL Sentral dan kemudiannya menaiki LRT ke Stesen Bandaraya. Turut sama dalam lawatan berkenaan ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha dan Pengarah Urusan Kumpulan Prasarana, Shahril Mokhtar. Menurut Muhyiddin, sebagai langkah memperbaiki sistem pengangkutan awam, kerajaan menyediakan kemudahan bas yang lebih banyak serta menambah jumlah tren berikut bilangan pengguna tren pada tahun lalu sahaja 2.4 juta orang dan ia adalah kadar yang cukup menggalakkan. Perkara lain yang akan ditingkatkan jelas beliau, adalah sistem 'Park n Ride', masalah tempat letak kereta di stesen LRT, penggunaan satu tiket untuk kemudahan pengangkutan awam, masalah kelewatan dan keselamatan pengangkutan awam. "Penggunaan satu tiket untuk kemudahan pengangkutan awam sudah digunakan di beberapa buah bandar utama dunia seperti London dan Sydney. Kuala Lumpur juga akan menggunakan sistem sama tidak lama lagi. Masalah kelewatan pula akan kita kaji. "Kita tidak mahu pengguna terpaksa tunggu lama. Kalau boleh pengangkutan awam tiba di destinasi ikut waktu. Begitu juga dengan soal keselamatan, jika perlu kita pasang kamera litar tertutup (CCTV) supaya tahap keselamatan dapat dipantau," tambahnya. Kata Muhyiddin, dengan adanya sistem Transit Aliran Massa (MRT) beberapa tahun akan datang, ia dijangka dapat membantu mengatasi masalah berkaitan pengangkutan awam di Lembah Klang. Ditanya mengenai pengalaman meninjau dan menaiki perkhidmatan bas dan LRT kendalian RapidKL jelasnya, sistem berkenaan dilihat berjalan baik. "Saya berpeluang menanyakan soalan kepada penumpang bas dan LRT. Mereka kata selesa dan kemudahan bertambah baik. Harga tiket juga munasabah.

Saya juga bersama-sama dengan seorang OKU bernama Fairuz yang cacat penglihatan. Dari sini, kita akan lihat keperluan untuk meningkatkan kemudahan untuk golongan tersebut,” katanya. Terdahulu, Muhyiddin turut diberi penerangan oleh Shahril mengenai projek menaik taraf laluan integrasi LRT Kelana Jaya dan Ampang yang sedang dibina di Stesen Masjid Jamek dan penambahan 470 buah bas RapidKL yang dilengkapi kemudahan khas untuk OKU.

12 Februari 2011 (Sabtu) - Universiti UCSI perintis projek EPP-10

KUCHING 12 Feb. – Universiti UCSI mencatat sejarah apabila dipilih sebagai peneraju projek permulaan ke-10 (EPP-10) iaitu kluster pendidikan hospitaliti dan pelancongan yang dirangka kerajaan di bawah Program Transformasi Ekonomi. Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, bagi tujuan itu, Kumpulan UCSI akan membuka hotel di beberapa lokasi strategik untuk dijadikan sebagai pusat latihan yang khusus dalam bidang hospitaliti dan pelancongan. “Bagi membiayai keseluruhan projek, kumpulan konglomerat ini bersetuju untuk melabur sebanyak RM1.3 bilion termasuk pembukaan hotel di Kuala Lumpur, Kuching dan bandar Springhill, Negeri Sembilan. “Sementara itu, Universiti UCSI yang dimiliki sepenuhnya oleh Kumpulan UCSI akan bertindak sebagai peneraju utama pelaksanaan projek EPP-10 ini sebelum diperluas ke universiti-universiti lain pula,” katanya. Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan EPP-10 di Kompleks Pelancongan Sarawak, di sini semalam. Hadir sama Menteri Muda Pelancongan Sarawak, Datuk Talib Zulphilip dan Pengerusi Kumpulan UCSI, Datuk Peter Ng.

EPP-10 yang diletakkan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dengan pendidikan merupakan salah satu daripada 131 projek permulaan (EPP) yang dirancang sepanjang Program Transformasi Ekonomi yang dilaksanakan sehingga 2020. Mengulas lanjut, Mohamed Khaled berkata, kerjasama dengan pihak swasta seperti Kumpulan UCSI itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara dengan memperkasakan modal insan dalam sektor perkhidmatan dan pelancongan. Sementara itu, Pengerusi Pasukan Pengurusan Bebas (IMT) EPP-10, Profesor Dr. Wong Kong Yew berkata, sebagai permulaan, UCSI telah membuka sebuah hotel di bandar raya ini dan bakal menerima kemasukan kumpulan pelajar yang pertama tidak lama lagi. “Pengambilan pertama melibatkan 100 pelajar pada Mei ini dan pihak universiti menyasarkan untuk melatih seramai 15,000 pelajar setahun sehingga 2015. “Sementara itu, bermula 2015 sehingga 2020, kita jangkakan jumlah pelajar yang menjalani latihan dengan UCSI bertambah sehingga 50,000 setahun,” katanya.

13 Februari 2011 (Ahad) - Pengusaha pasir Melayu, KSSB berkompromi

SHAH ALAM 13 Feb. - Konsortium Pengusaha Pasir Melayu Selangor Sdn. Bhd. (KPPMS) dan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) mengambil keputusan melupakan sengketa yang berlarutan sejak tahun lalu demi kepentingan pengusaha pasir Melayu negeri ini. Ia dicapai pada majlis ramah mesra antara KPPMS yang diwakili Penaungnya, Datuk Tengku Shaiffuliazan Zainal Abidin dan KSSB yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ir Wan Ab. Halim Wan Ismail pada Jumaat lalu. Menurut Tengku Shaiffuliazan, pertemuan itu diadakan demi kelangsungan pengusaha pasir Selangor dan ia juga bertujuan menyampaikan 10 usul kepada KSSB untuk dipertimbangkan dengan sebaik-baiknya. "Kami memohon kepada pihak kerajaan negeri untuk menimbangkan usul utama memberi permit mengeluarkan pasir kepada pengusaha di kawasan tanah rizab Melayu yang bersaiz dua hektar ke atas. "Pertemuan ini adalah demi kepentingan pengusaha pasir Melayu yang juga rakyat Selangor dan sebagai sebuah persatuan kami memohon agar kerajaan negeri menimbangkan usul yang kami kemukakan," katanya berucap pada majlis tersebut di sini. Antara kandungan 10 usul yang diserahkan KPPMS kepada KSSB ialah memohon supaya tanah rizab Melayu yang bersaiz dua hektar ke atas diberi keutamaan untuk pengeluaran permit pasir dan kadar bayaran permit pasir untuk usahawan Melayu ditetapkan pada RM5 untuk setiap meter padu. Sementara itu, Wan Ab. Halim berkata, ada antara usul yang dicadangkan itu sudah dibincangkan oleh pihak KSSB. "Sebagai contoh mengenai saiz tanah yang boleh diberi permit untuk melombong pasir sudah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pasir negeri. Kita sedang kaji dan mengenai usul lain semuanya akan dibincangkan nanti.

"KSSB pun tidak mahu isu ini berlarutan dan berharap keputusan menang-menang dapat dicapai," katanya. Setiausaha Eksekutif Pejabat Menteri Besar Selangor, Dr. Razali Bolhi yang turut hadir mewakil kerajaan negeri berkata, usul itu akan dibentangkan kepada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim secepat mungkin. "Saya tidak boleh janji bila tetapi Menteri Besar akan dimaklumkan mengenainya kerana beliau (Abdul Khalid) mahu isu ini diselesaikan," katanya. Sebelum ini, KPPMS menggesa kerajaan negeri menamatkan segera operasi KSSB kerana sistem monopoli itu didakwa menyebabkan kira-kira 50 pengusaha pasir Melayu di negeri ini terpaksa gulung tikar. KPPMS turut bertindak menyerahkan memorandum kepada pihak istana bagi meminta campur tangan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam isu pengeluaran permit melombong pasir di negeri itu yang didakwa berat sebelah dan menindas pengusaha melayu.

13 Februari 2011 (Ahad) - RM1.8j bina rumah PPRT DUN Merlimau

JASIN 13 Feb. - Sejumlah RM1.8 juta telah dibelanjakan bagi membina 193 rumah bantuan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau sepanjang 10 tahun lalu. Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, daripada jumlah itu lebih RM850,000 telah digunakan bagi membina 50 rumah baru yang setiap sebuah berharga kira-kira RM17,000, untuk keluarga yang dikenal pasti berpendapatan rendah. Menurutnya, kira-kira 143 buah rumah lagi dikenal pasti menerima bantuan pemberian rumah PPRT yang dianggarkan menelan kos antara RM8,000 hingga RM12,000 sebuah. "Pelbagai bantuan turut diberikan kepada rakyat yang kurang berasib baik menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Bahagian Pembela Pembasmian Kemiskinan, Jabatan Ketua Menteri Melaka," katanya di sini hari ini. Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke beberapa rumah PPRT dalam DUN Merlimau sempena lawatan kebajikannya di kawasan tersebut semalam.

Menurutnya, usaha itu bertujuan memberi keselesaan kepada penduduk pelbagai kaum khususnya di DUN Merlimau untuk menikmati kehidupan yang lebih baik pada masa depan. "Usaha pembasmian kemiskinan menjadi antara agenda utama pembangunan negeri ini dan saya sudah menetapkan supaya tidak akan ada mana-mana kumpulan tertinggal dalam soal kebajikan. "Sebagai pemerintah yang dipilih rakyat, kita sentiasa menyedari kemiskinan boleh menyebabkan kepincangan dalam masyarakat dan menjelaskan usaha untuk membangunkan negeri. "Oleh itu, adalah wajar bantuan kepada golongan yang berpendapatan rendah ini diberi perhatian bagi memastikan kehidupan mereka lebih sempurna," katanya. Selain itu kata Mohd Ali., sepanjang tahun lalu, kerajaan negeri menerusi JKM sudah menyalurkan bantuan sebanyak RM69.52 juta kepada 22,856 orang. Katanya, jumlah peruntukan terabit didapati meningkat berbanding tahun 2009 iaitu RM46,217,794 yang diagihkan kepada 17,005 penerima bantuan. "Pada tahun lalu, sebahagian peruntukan iaitu kira-kira RM59 juta adalah daripada kerajaan Persekutuan manakala kerajaan negeri menyalurkan RM10.5 juta khusus untuk memastikan nasib rakyat di negeri ini terbaik dan terpelihara. "Peningkatan jumlah peruntukan sebanyak kira-kira RM23 juta antara 2009 dan 2010 itu menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri demi memastikan masalah kemiskinan dapat diatasi," katanya.

14 Februari 2011 (Isnin) - Forum - Segerakan lebuh raya pesisir pantai

Melihat kepada fenomena kesesakan jalan raya di negara kita, khasnya di kawasan utara Semenanjung setiap kali cuti perayaan, menggamit perasaan saya untuk mengajukan syor agar Lebuhraya Pesisir Pantai Barat dari Banting ke Taiping yang pernah diuarkan dahulu diaktifkan dan disegerakan pembinaannya. Terbaharu, kita melihat betapa kesesakan yang begitu teruk pada cuti Tahun Baru Cina semasa ribuan kenderaan mahu pulang semula ke Lembah Kelang dari utara tanah air. Kesesakan di lebuh raya sudah bermula di Gopeng lagi arah ke selatan pada petang Sabtu. Malah kesesakan bukan sahaja berlaku di lebuh raya tetapi juga di jalan Persekutuan, terutama jalan Teluk Intan ke Kelang/Kuala Lumpur melalui Sabak Bernam dan Kuala Selangor. Dikhabarkan kenderaan bergerak amat perlahan bermula dari Hutan Melintang lagi pada petang tersebut.

Memandangkan keadaan tersebut, keperluan membina sebuah lagi lebuh raya menghubungkan kawasan utara Semenanjung ke Lembah Kelang dirasakan mendesak dan amat perlu disegerakan. Justeru Lebuh Raya Pesisir Pantai Barat Banting-Taiping yang pernah dicadangkan dahulu adalah satu pilihan terbaik sebagai Lebuh Raya Utara Selatan kedua di kawasan utara seperti yang pernah dicadangkan. Sukacita saya memberikan rasional dan sebab bagi penyegeeraan pembinaan cadangan lebuh raya itu. **Pertamanya**, tentulah bagi mengatasi masalah kesesakan di lebuh raya dan jalan raya seperti yang disebutkan dan seterusnya menjimatkan masa, minyak dan tenaga serta mengatasi masalah rungutan gangguan emosi (tekanan) para pengguna lebuh dan jalan raya. Masa perjalanan dari kawasan pantai di negeri-negeri utara ke Kelang, Shah Alam dan Banting bahkan sampai ke KLIA pun tentunya juga dapat disingkatkan memandangkan jarak yang lebih dekat.

Kedua, kesesakan di jalan raya Persekutuan itu mendorong kesusahan kepada pengguna domestik dan penduduk di sepanjang jajaran jalan berkenaan. Mereka yang berbasikal dan yang hendak melintas jalan pun amat dalam kepayahan, sedangkan kita semua sedia maklum sepanjang jalan berkenaan terutama dari Sabak Bernam ke Kelang memang dipenuhi rumah penduduk. Perlu dimaklumkan juga yang jalan tersebut, khasnya dari Teluk Intan ke Hutan Melintang, memang pun sentiasa sibuk walau pada hari-hari biasa disebabkan jalannya masih satu lorong sehala. Justeru, kita mesti prihatin kesukaran dihadapi oleh rakyat tempatan. Untuk itu pembinaan lebuh raya baru dikira dapat membantu mengatasi masalah tersebut. Sehubungan itu, penaiktarafan jalan dari satu kepada dua lorong sehala dari Teluk Intan ke Hutan Melintang juga harus disegerakan.

Ketiga, dari sudut sosio-ekonomi, pembinaan lebuh raya baru baru tersebut tentunya dapat merancakkan lagi pembangunan kawasan di sepanjang jajarannya termasuk dari segi pelancongan. Industri pelancongan di Lumut-Pulau Pangkor dan Taiping misalnya, dapat diperingkatkan kerana masa perjalanan yang lebih singkat menuju ke kawasan tersebut dari Kuala Lumpur. Begitu juga industri perkapalan yang dirancang di persisiran pantai Lumut ke Bagan Datoh. Hasil mahsul pertanian dan perikanan dari kawasan sepanjang cadangan jajaran lebuh raya itu yang sememangnya merupakan antara kawasan yang produktif di negara ini, seperti padi, kelapa sawit, kelapa dan ikan juga dapat dipasarkan dengan lebih cepat ke Lembah Kelang. Diharap cadangan ini mendapat perhatian pihak-pihak berkenaan di peringkat kerajaan Pusat dan kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat demi untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat jua. WONG KAMPUNG, Selekok, Bagan Datoh, Perak

15 Februari 2011 (Selasa) - Untung MBSB naik 158 peratus

KUALA LUMPUR 15 Feb. - Malaysia Building Society Bhd. (MBSB), mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM207.4 juta bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2010, peningkatan sebanyak 158 peratus daripada RM80.3 juta pada 2009. Ini menyumbang kepada peningkatan pendapatan sesaham bersih 20.85 sen dan pulangan bagi ekuiti 31 peratus, kata MBSB dalam kenyataannya di sini. Kumpulan itu mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM72.4 juta bagi suku keempat berbanding keuntungan sebelum cukai RM42.3 juta dalam suku ketiga. Keuntungan sebelum cukai tinggi itu adalah hasil terutamanya daripada pinjaman dan pendapatan pembiayaan tinggi serta susut nilai kerugian pinjaman rendah dalam suku semasa. Ketua Pegawai Eksekutif MBSB, Datuk Ahmad Zaini Othman berkata, prestasi yang bertambah baik pada 2010 itu adalah sejarah dengan strategi perniagaan kumpulan bagi produk runcit yang dilaksanakan menerusi program "Membawa MBSB ke Tahap Seterusnya". Pada 31 Disember 2010, pinjaman bersih, pendahuluan dan pembiayaan berjumlah RM10.7 bilion, peningkatan 32 peratus berbanding dengan RM8.1 bilion tahun sebelumnya. Produk pembiayaan runcit utama MBSB, Personal Financing-i (PF-i) terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan aset pinjaman syarikat. Zaini berkata: "Tumpuan kami kepada pengembangan sektor pembiayaan peribadi telah membawa kepada pertumbuhan memberansangkan. Menyediakan pembiayaan kepada kakitangan kerajaan pada kos berpatutan kekal sebagai sebahagian daripada strategi perniagaan kami." MBSB, semasa tahun itu juga meneroka segmen pasaran tertentu terutama bagi gadai janji di mana ia mula menasarkan pelanggan bernilai bersih tinggi. Mengenai deposit, Zaini berkata, ia meningkat kepada RM10.5 bilion pada 31 Disember 2010, peningkatan 39 peratus daripada RM7.6 bilion pada 31 Disember 2009.

"Bagi memacu pengembangan pinjaman kami, pada 2010, kami telah mengsekuritikan kira-kira RM1 bilion aset pinjaman gadai janji," kata Zaini. Dalam kenyataan berasingan, MBSB juga mengumumkan cadangan terbitan hak boleh lepas saham biasa baharu RM1.00 setiap satu bersama dengan waran boleh pisah percuma baharu bagi mengumpulkan hasil kasar kira-kira RM500 juta. Syarikat itu juga mencadangkan untuk menaikkan modal saham dibenarnya daripada RM1.8 bilion kepada RM2.8 bilion terdiri daripada 2.8 bilion saham MBSB daripada pewujudan satu bilion saham baharu MBSB. – Bernama.

16 Februari 2011 (Rabu) - FAMA sasar RM5j beli hasil Ladang Kontrak di Terengganu



MOHD. Ariffin Awang (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan pembekal hasil pertanian, Shadni Ayub pada majlis menandatangani perjanjian jual beli Ladang Kontrak di Kuala Terengganu, semalam

KUALA TERENGGANU 16 Feb. - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai belian hasil pertanian di negeri ini sebanyak RM5 juta pada tahun ini di bawah program Ladang Kontrak. Pengarah FAMA

Wilayah Timur, Mohd. Ariffin Awang berkata, dengan sasaran peningkatan sebanyak RM1 juta berbanding tahun lalu, pihaknya dalam usaha mengenal pasti beberapa kawasan pertanian di daerah lain untuk dimajukan. "Melihat kepada penyertaan peserta dalam program Ladang Kontrak ini, hanya tiga buah daerah iaitu Setiu, Hulu Terengganu dan Marang yang terlibat setakat ini. "Sehubungan itu, FAMA akan mengambil langkah proaktif untuk mengenal pasti kawasan-kawasan di daerah lain itu agar lebih ramai petani dapat menikmati kemudahan yang dilaksanakan oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis menandatangani perjanjian jual beli Ladang Kontrak (MOA) di pejabat FAMA, dekat sini hari ini. Turut hadir, Pengarah FAMA Negeri Terengganu, Hasan Jusoh. Pada perjanjian jual beli Ladang Kontrak kali ini, seramai 136 peserta daripada 11 buah kawasan di daerah Setiu, Hulu Terengganu dan Marang terlibat. Projek yang melibatkan tanah seluas 71.95 hektar serta mampu memberi manfaat kepada kira-kira 3,180 orang mengusahakan tanaman seperti cili merah, labu manis, tembikai, jagung manis dan limau manis. Pada tahun lalu, jumlah keseluruhan petani di bawah program itu seramai 633 orang, melibatkan kawasan seluas 533 hektar. Dalam pada itu, Mohd. Ariffin berkata, pihaknya telah mengenal pasti kira-kira satu per tiga daripada jumlah petani berpotensi di negeri ini masih belum menyertai program Ladang Kontrak. Katanya, alasan kononnya FAMA membeli hasil pengeluaran dengan harga murah punca para petani tidak berminat untuk menyertai program tersebut adalah tidak benar. "Kita membeli hasil pertanian bergantung kepada kualiti produk yang dihasilkan. Jika baik maka harga pasti lebih mahal berbanding yang kurang baik," jelasnya. Sementara itu, beliau turut memaklumkan bahawa tarikh akhir permohonan peniaga untuk menyertai projek Terminal Agri Bisnes Negara (Teman) di Bandar Baru Tunjung, Wakaf Che Yeh, Kota Bharu, Kelantan itu yang dijangka beroperasi pada 1 Jun ini akan tamat pada 7 Mac ini. Tambahnya, borang permohonan untuk mendapatkan ruang perniagaan yang memuatkan seramai 233 peniaga itu boleh didapati di pejabat FAMA atau di laman web agensi itu iaitu www.famaxchange.org. "Teman bakal menjadi pusat pengumpulan sayur-sayuran, ikan, ayam, daging dan buah-buahan dan ia bukan sahaja untuk pasaran tempatan malah untuk dieksport," katanya.

17 Februari 2011 (Khamis) - MRR2 kini milik kementerian

Oleh MUHAMAD ZAID ADNAN zaid.adnan@utusan.com.my



Shaziman Abu Mansor meninjau Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) di sekitar Batu Caves dan Gombak, Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 17 Feb. – Kementerian Kerja Raya sudah mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab terhadap Jalan Lingkaran Tengah Dua (MRR2) yang sebahagiannya berada di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelum ini. Menteri

Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, pertindihan yang berlaku sebelum ini ke atas beberapa segmen laluan sepanjang 45 kilometer itu menimbulkan kekeliruan terhadap orang ramai yang ingin mengemukakan aduan mengenai kerosakan jalan. "Oleh itu, kita telah mengadakan perbincangan bersama DBKL dan memaklumkan kepada Kabinet mengenai hasrat untuk meletakkan MRR2 di bawah tanggungjawab kementerian. "Kabinet pada 19 Januari lalu bersetuju bahawa keseluruhan MRR2 dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian Kerja Raya," katanya di sini hari ini. Beliau berkata demikian selepas melawat laluan MRR2 berhampiran Batu Caves yang turut disertai Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Thomas George dan Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Datuk Seri Ir. Dr. Judin Abdul Karim. Shaziman memberitahu, peruntukan sebanyak RM10 juta disediakan kementerian bagi kerja-kerja menaik taraf jalan serta perparitan MRR2 tahun ini. Menurut beliau, jumlah aduan mengenai MRR2 berkurangan sehingga 45 peratus selepas kerajaan memperuntukkan jumlah sama untuk penyenggaraan jalan itu tahun lepas. "Ia selaras dengan usaha kita untuk memastikan kira-kira 200,000 pengguna MRR2 akan terus dapat menggunakan jalan ini dalam keadaan yang selesa," katanya. Sementara itu Shaziman berkata, kementerian akan melaksanakan projek perintis penggunaan lampu LED bagi pencahayaan MRR2 serta Lebuhraya Persekutuan bermula bulan depan. Tambah beliau, projek yang mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan itu mampu menjimatkan penggunaan elektrik sehingga 50 peratus.

17 Februari 2011 (Khamis) - RM10 juta bagi belanja baik pulih MRR2 pada tahun ini

KUALA LUMPUR - Kementerian Kerja Raya akan membelanjakan RM10 juta tahun ini untuk menambah baik jalan, penghadang jalan, sistem saliran dan juga membaiki beberapa jejabat di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2). "Banyak perkara yang perlu diganti, penurapan semula perlu dilakukan dan kita juga akan pastikan permukaan jalan sentiasa selamat untuk pengguna," kata menterinya, Datuk Shaziman Abu Mansor. Terdahulu, Shaziman meluangkan masa kira-kira sejam meninjau tiga lokasi di MRR2 iaitu di laluan menghala ke Kepong, jejabat Batu Caves dan di susur masuk ke Lebuhraya Karak di Gombak. Beliau juga berkata, kabinet dalam mesyuaratnya pada 19 Januari bersetuju supaya kementerian bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penyelenggaraan MRR2 bermula lepas bagi mengelak pertindihan tugas dengan agensi lain. Menurutnya sebelum ini MRR2 diurus oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) di beberapa bahagian sepanjang jalan itu yang jarak keseluruhan 45 kilometer, sehingga menyebabkan berlaku pertindihan tugas. – Bernama.

17 Februari 2011 (Khamis) - SPNB senarai hitam 140 kontraktor

ALOR SETAR 17 Feb. - Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah mengambil tindakan menyenarai hitam 140 kontraktor yang gagal menyiapkan projek skim Rumah Mesra Rakyat (RMR) di seluruh negara sejak lima tahun lepas. Pengarah Urusan SPNB, Datuk Dr. Kamarul Rashdan Salleh berkata, pihaknya tetap serius dalam mengenakan tindakan terhadap kontraktor walaupun hanya lima peratus daripada keseluruhan projek pembinaan RMR terbengkalai sejak skim itu diperkenalkan pada tahun 2000. Katanya, SPNB telah menerima 43,000 permohonan untuk membina rumah di bawah program RMR sejak tahun 2000 dan telah meluluskan sebanyak 18,249 permohonan di mana 15,079 unit rumah telah disiapkan melibatkan kos kira-kira RM1 bilion. "Berikutnya banyak masalah termasuk rumah tidak siap dan masalah kualiti rumah, pada 2010 kita tidak laksanakan pembinaan RMR. Kita selesaikan dulu masalah yang bukan disebabkan oleh kami," katanya kepada pemberita selepas majlis Penyerahan Inden Kerja Program RMR Peringkat Zon Utara, di sini, hari ini. - Bernama

17 Februari 2011 (Khamis) - PAC siasat projek terbengkalai

Oleh AMIZUL TUNIZAR AHMAD TERMIZI utusanperak@utusan.com.my

IPOH 17 Feb. – Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri (PAC) Perak akan memulakan siasatan ke atas beberapa projek terbengkalai dan projek ‘gajah putih’ bernilai RM39.48 juta di enam kawasan di negeri ini seperti didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2009. Pengerusinya, Datuk Seri Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar berkata, ketua pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kontraktor terlibat akan dipanggil dalam masa terdekat untuk memberikan penjelasan kenapa perkara seperti itu boleh berlaku. “Saya tidak boleh sebut projek apa atau pihak berkuasa tempatan (PBT) mana selagi tidak mendapat penjelasan daripada mereka. “Antara projek ini adalah sebuah rumah rehat yang sudah siap tetapi tidak digunakan. Agak aneh bagaimana rumah rehat tidak digunakan,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini. Dalam pada itu, mengulas mengenai kegagalan Bahagian Pinjaman Pelajaran Negeri Perak mengutip semula tunggakan pinjaman berjumlah RM27.6 juta sejak 1981, Raja Ahmad Zainuddin memberitahu, ketua jabatan terlibat akan dipanggil menghadap PAC Perak pada bulan ini. “Kita akan panggil pegawai yang berkenaan untuk dapatkan penjelasan kenapa tunggakan sebegini besar tidak dikutip dan notis mengutip hutang juga tidak dihantar kepada peminjam yang sudah bekerja. “Selain itu, kita hendak tahu apa pendekatan yang akan mereka gunakan untuk mengutip semula tunggakan tersebut,” katanya. Beliau berkata, hasil pertemuan tersebut akan dilaporkan kepada Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambray Abd. Kadir; Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Perak, Datuk Seri Dr. Abdul Rahman Hashim dan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang. Menurut Raja Ahmad Zainuddin, sekiranya pinjaman tersebut tidak dapat dikutip balik, ia akan menjelaskan peminjam-peminjam baru. “Oleh itu, saya menyeru peminjam yang sudah mendapat pekerjaan terutamanya dengan kerajaan negeri supaya tampil membayar semula hutang mereka,” katanya. Pinjaman Pelajaran Negeri Perak ditawarkan kepada individu berkelayakan bagi melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang sama ada peringkat diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

17 Februari 2011 (Khamis) - RM21.3j bina studio filem antarabangsa

Oleh AMRAN MULUP utusanmelaka@utusan.com.my

MELAKA 17 Feb. – Kerajaan negeri akan membina sebuah studio dengan kemudahan produksi yang dikenali sebagai Studio, Filem dan Televisyen Antarabangsa Melaka dengan kos bernilai AS\$7 juta (RM21.3 juta). Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, studio itu akan dibangunkan dengan idea dan kerjasama pelakon terkenal Bollywood, Datuk Shah Rukh Khan. Menurutnya, perbincangan dengan pelakon Bollywood itu kini di peringkat terakhir sebelum satu rumusan diambil bagi merealitikan impian membina sebuah studio tercanggih di negeri ini. “Pada dasarnya, Shah Rukh bersetuju bekerjasama dengan memberi idea dan pandangan bagi pembinaan studio yang dicadangkan di Rumah Media di Ayer Keroh.

“Studio yang akan dibina ini bukan sahaja menyediakan kemudahan produksi tetapi juga akan menyediakan sebuah akademi untuk filem dan televisyen bertaraf antarabangsa,” katanya. Beliau ditemui selepas mengiringi Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob melawat lokasi penggambaran filem terbaru Shah Rukh berjudul Don 2 di Bandar Baru Sungai Udang, di sini hari ini. Pada lawatan tersebut, Mohd. Khalil dan Mohd. Ali menghadiahkan bintang terkenal Bollywood itu sehelai baju batik. Shah Rukh kini berada di negeri ini sejak 12 Februari lalu bagi menjalani penggambaran filem terbarunya Don 2. Selain Melaka, Kuala Lumpur dan Langkawi turut menjadi lokasi penggambaran filem itu yang bakal ditayangkan di negara ini pada 23 Disember ini. Mohd. Ali menambah, kerajaan negeri akan memohon peruntukan daripada Kementerian Pelancongan bagi membiayai pembinaan studio tersebut. “Jika semuanya berjalan lancar, pembinaan studio itu akan mula dibina tahun ini. “Kita juga merancangkan untuk menerbitkan sebuah filem muzikal yang mana Shah Rukh Khan bersetuju untuk menjadi pelakon utama,” katanya. Beliau menambah, dengan pembinaan studio itu ia dijangka menarik minat beberapa produser dari Bollywood untuk menggunakan kemudahan produksi selain menjadikan Melaka sebagai lokasi penggambaran filem.

18 Februari 2011 (Jumaat) - Ekonomi - MRT lonjakkan harga tanah

Oleh NORLAILI ABD RAHMAN bisnes@utusan.com.my



Pemaju yang memiliki tanah simpanan di sekitar laluan MRT adalah golongan yang paling beruntung.

KUALA LUMPUR 18 Feb. – Projek Transit Aliran Pantas (MRT) akan melonjakkan nilai tanah di antara 11 peratus sehingga 35 peratus setahun bagi beberapa kawasan utama sekitar Lembah Kelang. Pengarah Bersekutu HwangDBS Vickers Research Sdn. Bhd., Yee Mei Hui berkata, harta tanah terbabit adalah di KLCC-Bukit Bintang, KL Sentral, Pusat Bandar Damansara-Damansara Heights, KL Eco-City-Midvalley dan Sentul. “Projek MRT ini dilihat sebagai penggerak kepada pembangunan berstruktur harta tanah di Kuala Lumpur ke satu peringkat yang lebih tinggi,” katanya dalam satu taklimat media berhubung kajian firma penyelidikan itu terhadap projek MRT di sini hari ini. Tambah Mei Hui, antara faktor yang mendorong ke arah peningkatan nilai tanah tersebut adalah disebabkan oleh harga jualan produk akhir, nisbah plot yang lebih tinggi serta pertambahan zon komersial. Katanya lagi, projek yang bernilai RM43 bilion itu akan memberi kesan berganda sebanyak tiga kali kepada RM210 bilion dalam tempoh lebih 10 tahun kepada ekonomi Malaysia selain mengubah Kuala Lumpur menjadi sebuah bandar raya yang lebih hidup dan teratur. Selain itu, projek MRT juga akan menggalakkan lebih banyak usaha sama serta pengambilan alih dan penggabungan kerana pemain industri berebut untuk menambah tanah simpanan. Tambah beliau, pemaju yang memiliki tanah simpanan di sekitar laluan MRT adalah golongan yang paling beruntung kerana mereka mempunyai peluang untuk membida bagi mendapatkan stesen yang boleh disepadukan atau diletakkan berhampiran projek harta tanah mereka. “Kami menjangkakan YTL Land & Development Bhd., Selangor Properties Bhd., Guocoland (M) Bhd., Bolton Bhd., dan SP Setia memiliki pendedahan Nilai Aset Bersih yang Dinilai Semula tertinggi memiliki potensi ini,” katanya. Dalam pada itu, harta tanah di sekitar laluan MRT mampu mencapai premium sekitar 20 peratus sehingga 30 peratus. “Walaupun projek ini dijangka siap sepenuhnya pada 2020, namun harga-harga harta tanah di sekitar kawasan terlibat sudah menunjukkan peningkatan berikutan tindakan pantas pemaju yang telah mula meningkatkan kemudahan infrastruktur,” katanya. Projek MRT dijangka mampu menangani kemelut pengangkutan awam yang membebankan kehidupan pengguna yang mendiami kawasan Greater Kuala Lumpur (Greater KL). Greater KL meliputi kawasan seluas 279,327 hektar terdiri daripada Kuala Lumpur, Putrajaya, Ampang Jaya, Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam, Kajang, Klang, Sepang dan Selayang. Jumlah penduduk Greater KL dianggarkan sekitar enam juta dan dijangka meningkat 10 juta orang pada tahun 2020.

18 Februari 2011 (Jumaat) - NKRA infrastruktur Sarawak hampir 100%

BETONG 18 Feb. - Pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah infrastruktur di Sarawak hampir tercapai dan melebihi daripada 100 peratus, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin. Timbalan Perdana Menteri berkata, sebagai pengurus yang memantau prestasi pelaksanaan infrastruktur, beliau telah mendapat laporan setiap bulan termasuk secara berkala, khususnya yang melibatkan pelaksanaan jalan raya atau jalan luar bandar. Menurutnya, sehingga kini kerajaan telah mencapai pembinaan lebih 700 kilometer jalan raya yang dilaksanakan terutamanya di Sabah dan Sarawak. "Kerajaan Pusat menyasarkan untuk menyiapkan projek-projek di bawah NKRA di Sarawak menjelang tahun 2012. "Jadi, kita ada setahun lebih untuk menyelesaikan segala projek di bawah NKRA berkenaan," katanya kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat dan menghadiri Jamuan Bersama Rakyat di Masjid Darul Solihin Debak di sini hari ini.

Dalam pada itu, Muhyiddin memberitahu, kerajaan juga telah mencapai sasaran dalam kemudahan bekalan elektrik manakala kampung-kampung yang belum mendapat bekalan elektrik sudah tersenarai dalam jadual dan ia akan dilaksanakan tidak lama lagi. Katanya, bekalan elektrik itu akan dilaksanakan sama ada menerusi grid, janakuasa diesel atau tenaga solar yang dijangka dilakukan dalam tempoh dua tahun akan datang. Sementara itu, bagi bekalan air bersih di luar bandar, Muhyiddin berkata, Kerajaan Pusat telah berbincang dengan kerajaan negeri untuk menaiktaraf loji-loji air sedia ada. "Kerajaan berusaha menyediakan dan memperbesarkan pam-pam air supaya kapasiti air mencukupi dan boleh diagihkan ke seluruh kampung di luar bandar. "Secara umumnya, kita telah melaksanakan semua program mengikut jadual kecuali bekalan air yang menghadapi sedikit masalah," ujarnya. Justeru, beliau berkata, kerajaan akan memberi tumpuan yang lebih terhadap masalah bekalan air bersih kerana ia perkara mustahak dalam usaha menjamin kesihatan rakyat

19 Februari 2011 (Sabtu) - Agensi kerajaan diarah belanja secara berhemat

IPOH 19 Feb. – Semua kementerian dan agensi kerajaan diarah supaya memastikan perbelanjaan mereka dilaksanakan secara berhemat bagi memastikan sasaran pertumbuhan ekonomi 6 peratus tahun depan dapat dicapai. Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, selain itu, setiap kementerian dan agensi terlibat juga diminta mendapatkan pelaburan daripada pihak swasta bagi membolehkan pertumbuhan ekonomi tersebut tercapai. Katanya, kerajaan memberikan perhatian serius terhadap perbelanjaan dan pelaburan swasta untuk mencapai sasaran Pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). "Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah meminta kita bekerja kuat kerana negara memerlukan pelaburan swasta berjumlah RM120 bilion tahun ini. "Ini kerana pertumbuhan ekonomi pada 2010 antara lain datangnya daripada sektor perkhidmatan, pembuatan dan eksport yang meningkat," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pecah tanah pembinaan semula Surau Ahmadiah Kampung Datuk Ahmad Said di Manjoi dekat sini hari ini. Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam mengenai pencapaian ekonomi Malaysia yang mencatatkan pertumbuhan 7.2 peratus pada tahun lalu sekali gus menunjukkan tindakan yang diambil kerajaan untuk mengatasi kemelut ekonomi global membawa hasil menggalakkan. Sementara itu, surau bernilai RM300,000 itu dibina semula bagi memberikan kemudahan tempat ibadat yang selesa kepada umat Islam di situ. Ahmad Husni yang juga Ahli Parlimen Tambun berkata, pihaknya yakin usaha kerajaan itu akan mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih baik tahun depan walaupun kesan pertumbuhan ekonomi dunia agak perlahan. Namun begitu, katanya, untuk mencapai negara berpendapatan tinggi pada 2020, negara mesti mencapai pertumbuhan ekonomi enam peratus dari tahun ini hingga tahun 2020. Ditanya mengenai kesan rusuhan rakyat Mesir bagi memaksa Presiden Hosni Mubarak meletakkan jawatan, Ahmad Husni berkata, sektor perdagangan negara tidak terjejas kerana dagangan Malaysia dengan Asia Barat tidak besar dan ia tidak membimbangkan. "Ini kerana kita juga berdagang dengan lebih 240 buah negara di dunia," katanya.

20 Februari 2011 (Ahad) - RM4 bilion tidak dituntut

Oleh TOREK SULONG utusankelantan@utusan.com.my

BACHOK 20 Feb. – Lebih RM4 bilion wang yang tidak dituntut oleh pemilik masih dipegang Unit Perbendaharaan, Bank Negara berikutan kegagalan waris mereka membuat tuntutan sehingga hari ini. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, wang berkenaan diserahkan kepada Perbendaharaan oleh pelbagai institusi kewangan di negara ini apabila akaun simpanan individu tidak aktif melebihi tempoh lima tahun. Beliau berkata, wang itu dihantar ke unit berkenaan selepas pengurusan institusi kewangan menghantar notis kepada pemilik akaun simpanan bagi memaklumkan mereka supaya menuntut semula atau mengaktifkan urus niaga kewangan yang beku melebihi tempoh lima tahun tetapi tidak mendapat sebarang maklum balas. Bagaimanapun, katanya, pewaris masih boleh membuat tuntutan mendapatkan wang berkenaan menerusi Pejabat Akauntan Bank Negara di setiap negeri dengan mengemukakan beberapa dokumen penting seperti surat pendaftaran kematian dan buku akaun simpanan wang untuk dipertimbangkan. “Wang itu terkumpul daripada pelbagai sumber terutama hasil keuntungan bank konvensional dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak dituntut pemegang akaun. “Kegagalan membuat tuntutan mungkin disebabkan masalah kesukaran menguruskan pembahagian pusaka atau pewaris menganggap jumlah wang yang sedikit dan sukar diagihkan kepada waris yang ramai sehingga mereka mengambil keputusan mengabaikan usaha menuntutnya daripada institusi kewangan atau bank,” katanya. Beliau ditemui pemberita selepas majlis penyerahan kunci rumah kepada 83 penduduk di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) pengurusan Risda di Kampung Lati Hilir, Bukit Marak dekat sini hari ini.

Hadir sama, Pengarah Risda Kelantan, Zahari Mat Amin. Pada majlis sama, 10 rakyat termiskin turut menerima bantuan zakat berupa pemberian beras dan barang keperluan harian. Awang Adek yang juga Timbalan Penggerusi Badan Perhubungan UMNO negeri berkata, pihaknya juga percaya sebilangan besar pewaris tidak mengetahui terdapatnya wang berkenaan yang disimpan oleh si mati termasuk masalah alamat surat-menyurat yang gagal dikesan. “Pihak terbabit boleh membuat semakan di cawangan BNM berdekatan untuk mendapatkan kembali wang itu. “Jika didapati wang itu masih tidak dituntut kerajaan mungkin akan meminjamnya untuk tujuan pembangunan negara,” katanya. Mengulas mengenai PBR, beliau berkata, UMNO negeri ini berharap Kerajaan Persekutuan mengekalkan peruntukan RM18 juta sebagaimana diluluskan kepada Risda Kelantan sepanjang tahun lepas bagi membolehkan usaha menyediakan kediaman selesa dapat dilaksanakan sepanjang tahun ini. Beliau berkata, peruntukan itu penting untuk membantu hampir 1,000 penduduk miskin supaya mereka dapat memiliki rumah sendiri dan membaik pulih rumah yang hampir roboh. “Di Kelantan masih banyak lagi rumah yang perlu dibaiki dan masih ramai penduduk yang tidak memiliki rumah kediaman sendiri berbanding negeri lain yang ditadbir oleh kerajaan Barisan Nasional (BN). “Rakyat Kelantan perlu berterima kasih kepada kerajaan Persekutuan yang tidak pernah meminggirkan mereka malah memberi layanan yang istimewa walaupun Kelantan diperintah oleh pembangkang,” katanya. Menurut beliau, sikap cakna pucuk pimpinan Kerajaan Persekutuan terbukti kerana sebilangan besar rakyat miskin di Kelantan yang mendapat bantuan PBR diberi milik rumah baru bernilai RM33,000 sebuah secara percuma.

20 Februari 2011 (Ahad) - KWSP umum dividen 5.8%, tertinggi dalam sejarah

KUALA LUMPUR, 20 Feb — Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) hari ini mengumumkan kadar dividen 5.8 peratus untuk ahlinya bagi tahun kewangan berakhir Dis 31, 2010, naik 15 mata asas, berbanding kadar 5.65 peratus yang dibayar pada 2009. Ia merupakan bayaran dividen tertinggi yang pernah dicapai dana persaraan itu iaitu sebanyak RM21.61 bilion, peningkatan 11.55 peratus berbanding bayaran dividen RM19.37 bilion pada 2009. Penggerusi KWSP, Tan Sri Samsudin Osman dalam satu kenyataan hari ini berkata pencapaian itu menggambarkan tahun yang memberangsangkan di mana pendapatan pelaburan kasar dana persaraan itu mencecah rekod tertinggi dalam sejarah sebanyak RM24.06 bilion. Ia merupakan peningkatan 39.76 peratus berbanding RM17.22 bilion pendapatan pelaburan kasar yang dicatatkan pada 2009, katanya.

"Pendapatan pelaburan memberangsangkan yang dicapai pada tahun 2010 dijana terutamanya daripada prestasi pelaburan ekuiti. Suasana kewangan dan ekonomi yang bertambah baik menyediakan pasaran dengan kecairan mencukupi lalu membenarkan aktiviti pengambilan untung sepanjang tahun," katanya

21 Februari 2011 (Isnin) - Model baharu tanaman nanas

Rencana dan gambar AZMAN MD. NOOR



ABU Abu hassan man bersama (dari kiri) rossiana abdul rahim (pelajar) ruzita shamsudin isteri), Ainul Yasmin Mohd. Azhar (pelajar) dan Siti Nurizati Noor Akmal (pelajar) menunjukkan nanas bersaiz besar dan manis yang di tanam di Kampung Sungai Batu Pahat Merbok, Kuala Muda kedah.

TIDAK terlintas langsung dalam benak fikiran usahawan Teknologi Maklumat (ICT) ini untuk mengubah haluan kepada bidang pertanian melainkan semata-mata mahu mencuba dan gembira melihat kehijauan bumi yang sentiasa dihargai manusia. Tiga tahun lalu, Abu Hassan Man, 51, hanya mahu memastikan tanah di sekitar tempat tinggalnya tidak dibiarkan semak sebaliknya mahu berbuat sesuatu supaya kawasan di Merbok, Kedah bertukar menjadi ladang nanas terbesar. Percubaannya tidak sia-sia apabila nanas yang diusahakan menghasilkan buah melebihi tiga kilogram sebiji. Kejayaan itu tidak berakhir di situ sahaja apabila terbaharu bapa kepada enam anak itu sekali lagi mengejutkan industri nanas negara apabila dia berjaya mengusahakan model baru tanaman nanas secara padat. Sekali pun ada pihak yang secara sinis menganggapnya sebagai satu yang sukar dipercayai kerana konsep tanaman seperti itu tidak pernah diamalkan oleh mana-mana penanam nanas dan keronnya sukar untuk dilakukan. Projek perintis tanaman nanas secara padat itu telah membuka mata banyak pihak dan memberi petunjuk bahawa teknologi baharu dalam sektor pertanian tidak lagi boleh kaku tanpa pembaharuan. Di Kampung Bukit Batu Pahat, Merbok sebanyak 12 hektar tanaman nanas secara padat telah dimulakan sekali pun terpaksa berhadapan masalah kawasan tanah hutan dan serangan musuh liar yang sentiasa mengancam tanaman. Hal yang sama berlaku di Kampung Bendang Dalam, Tempoyak berhampiran Merbok manakala satu kawasan di Tikam Batu dan Bukit Selambau di Sungai Petani serta Sungai Kob dan Lunas di Kulim. Abu Hassan tidak pernah mengalah untuk mencuba sesuatu yang tidak pernah dilakukan. "Saya mahu mencuba sesuatu yang baharu kerana mungkin dapat membuat pembaharuan dalam industri nanas di negara ini," katanya dalam pertemuan dengan *MEGA* baru-baru ini. Sehingga ini, Abu Hassan telah mengembangkan usaha penanaman nanas di tujuh kawasan dengan keluasan keseluruhan melebihi 70 hektar.

Ini tidak termasuk di kawasan Kulim sebanyak 70 ekar yang sedang dibersihkan. Menariknya, usaha Abu Hassan dilakukan secara berperingkat-peringkat dalam memastikan pengeluaran buah juga tidak terputus bekalan berikut pengusaha ini sudah dikenali sebagai saudagar nanas. "Ada di antara kawasan sedang dibersihkan manakala ada juga yang sedang ditanam sementara yang lain sudah mengeluarkan hasil menunggu masa sahaja untuk dipetik," ujarnya. Menurut beliau, hebatnya model baharu tanaman nanas kerana sebanyak 82,000 pokok dapat ditanam dalam kluasan sehektar tanah berbanding dengan cara konvensional hanya sebanyak 30,000 pokok sahaja dapat ditanam. Mengenai tanaman padat, beliau yakin tentu ada penanam nanas akan terfikir bagaimana kepadatan pokok mampu membolehkan kerja-kerja membaja,meracun, dan memetik buahnya dapat dilakukan. Abu Hassan yang tidak pernah kedekut ilmu itu menjelaskan kesemua proses tersebut dilakukan menggunakan jentera 100 peratus yang berfungsi dengan cepat dan pantas. Kejayaan tersebut memberi petunjuk baru kepada Jabatan Pertanian dalam memberi suntikan semangat dan meningkatkan imej dalam sektor pertanian. Jabatan Pertanian yang melihat perkembangan itu telah mengambil langkah bijak dalam membantu Abu Hassan untuk membeli jentera moden dalam menghasilkan produk yang boleh dibanggakan dalam industri nanas negara.

Mega difahamkan jentera tersebut disediakan oleh Jabatan Pertanian sebagai inisiatif kepada petani moden itu menggunakan teknologi terbaru. Katanya, penggunaan jentera meliputi kerja-kerja membaja, meracun, memberi hormon (ethrel) menguatkan tangkai (planofit) dan menyegarkan buah(fruiton) antara teknologi moden yang digunakan menjadikan ladang nanas ini termoden setakat ini. Menurutnya, kelebihan jentera moden itu berfungsi dengan hanya 500 liter air atau racun memerlukan masa hanya tujuh minit. Manakala bagi satu hektar mengambil masa kira-kira satu jam. Tanaman secara padat itu tidak memerlukan batas sebaliknya setelah tanah siap di gembur benih boleh terus ditanam sekali gus menjimatkan masa dan kos membajak. Katanya, tanaman cara itu juga dapat mengurangkan hakisan tanah dan mengelak rumput tumbuh dan mengurangkan beban pengawasan dan kawalan rumput akibat tanaman dilakukan secara padat. Jelasnya, tanaman konsep itu juga mampu mengelak ancaman binatang buas seperti babi dan kera dari memasuki dan merosakkan tanaman. Projek yang diusahakan penanam moden itu telah membawa kepada perubahan landskap tanah terbiar. Ini kerana Abu Hassan sendiri telah mempelawa pemilik tanah untuk memajak kepadanya bagi dijalankan projek tanaman nanas ini. Anak jati Merbok itu turut menasarkan untuk membuka kilang sendiri bagi memproses nanas secara komersial sekiranya dia mampu membuka sebanyak 200 hektar ladang nanas di Kedah. "Buat masa ini saya belum berani untuk membuka kilang kerana pengeluaran buah yang ada hanya mampu dijual kepada peraih dan pemborong tempatan sahaja," ujarnya.

Abu Hassan bagaimanapun tidak menolak kemungkinan dalam tempoh setahun dia boleh mengorak langkah dalam memperkemaskan lagi industri itu secara serius kerana potensi yang ada tidak wajar dilepaskan. Projek di Kampung Bukit Batu Pahat kini mempunyai hampir satu juta pokok nanas pada keluasan yang sedia ada. Sudah tentu jumlah pokok tersebut mampu meningkatkan pendapatan tiga kali ganda dari tanaman secara konvensional dengan harga sebiji nanas pada harga minimum sebiji untuk RM1 jika ini berlaku tentunya penanam ini mampu meraih hampir sejuta semusim secara kasarnya. Bagi Abu Hassan kesempatan itu turut digunakan untuk menambah lagi pendapatan melalui jualan benih. Apa yang diperolehinya sekarang mahu dikongsi bersama pemilik tanah terbiar untuk sama-sama berusaha memajukan tanah dan meraih pendapatan bukan sahaja sampingan malah satu kerjaya berterusan.

21 Februari 2011 (Isnin) - Ekonomi - Pinjaman deposit beli rumah SPNB

Oleh HASHNAN ABDULLAH bisnes@utusan.com.my

PUTRAJAYA 21 Feb. - Syarikat Perumahan Negara Bhd. (SPNB) telah mengenal pasti beberapa buah institusi kewangan tempatan yang akan menyediakan pakej pinjaman bagi bayaran pendahuluan pinjaman perumahan. Penggerusi SPNB, Datuk Ir. Idris Haron berkata, institusi kewangan terbabit kini dalam proses menyediakan terma dan syarat, termasuk kadar faedah yang berpatutan bagi pakej pinjaman tersebut. Bagaimanapun beliau enggan mendedahkan nama institusi kewangan terbabit buat masa ini. "Usaha SPNB ini akan membantu golongan muda atau pasangan baru kahwin yang ingin memiliki rumah sendiri tetapi tidak ada wang tunai bagi menjelaskan bayaran pendahuluan pinjaman perumahan. "Ia merupakan skim pembelian rumah tanpa bayaran pendahuluan yang diperkenalkan oleh SPNB sejak tahun lalu bagi merangsangkan jualan kira-kira 11,000 buah rumah mampu milik yang telah siap dibina di seluruh negara," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini. SPNB yang ditubuhkan pada 21 Ogos 1997 merupakan syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (Mof Inc.). Rumah mampu milik yang seluas antara 800 hingga 1,000 kaki persegi itu dijual pada harga antara RM80,000 hingga RM120,000 untuk kos rendah manakala RM120,000 ke atas bagi kos sederhana. Rumah tiga bilik tidur itu dilengkapi dengan dua bilik air. Idris yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO mengakui bahawa melalui usaha itu para pembeli akan mempunyai dua pakej pinjaman yang berbeza iaitu bayaran pendahuluan dan pinjaman perumahan. "Kalau dilihat secara kasar, memanglah usaha itu akan membebankan para pembeli tetapi sebenarnya tidak jika diteliti berdasarkan harga jualan rumah kami. "Walaupun bayaran bulanannya mungkin lebih tinggi sedikit berbanding dengan menyewa tetapi ia berbaloi bagi mereka yang ingin memiliki rumah sendiri," katanya.

22 Februari 2011 (Selasa) - ESQ: Wilayah Persekutuan tetap haramkan

KUALA LUMPUR 22 Feb. – Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Wan Zahidi Wan Teh menegaskan, modul latihan ESQ Leadership Center Sdn. Bhd. (ESQ) tetap difatwakan sebagai sesat dan haram walaupun ia diperakukan oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI). Menurut Wan Zahidi, ini kerana fatwa pengharaman tersebut telah diwartakan sejak Jun lalu dan situasi itu kekal sehingga ke hari ini. “Kedudukan ESQ sama seperti ajaran sesat lain seperti Al-Arqam yang telah diharamkan. “Dengan itu, sebarang aktiviti ESQ tidak boleh dijalankan di kawasan-kawasan dalam Wilayah Persekutuan (Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan),” katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau mengulas permintaan Ahli Panel Syariah dan Akidah ESQ, Datuk Sheikh Hasbullah Sheikh Abdul Halim yang mahukan beliau bersikap lebih terbuka dalam membincangkan isu pengharaman modul latihan syarikat perunding pembangunan sumber manusia tersebut. Dalam satu sidang akhbar semalam, Sheikh Hasbullah memberitahu, masalah pengharaman ESQ di Wilayah Persekutuan adalah disebabkan Wan Zahidi enggan membuka ‘pintu hati’ dan pintu pejabatnya sedangkan 13 mufti lain di seluruh negara sudah memperakukan modul latihan syarikat itu tidak menyimpang daripada Islam. Pada majlis semalam juga, ESQ turut menampilkkan pembentangan para pemimpin Majlis Ulama Indonesia (MUI) yang telah memperakukan bahawa modul latihan syarikat itu tidak mengandungi sebarang unsur pluralisme, liberalisme dan sekularisme agama seperti didakwa. Wan Zahidi menjelaskan, langkah beliau mengeluarkan fatwa pengharaman ESQ adalah bertepatan dengan undang-undang negara serta kapasitinya sebagai mufti di tiga kawasan tersebut.

22 Februari 2011 (Selasa) - Forum - Ex-gratia tentera cacat bertempur belum dibayar

SAYA mengimbau janji Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sempena perhimpunan Raksaka Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) di Stadium Putra Bukit Jalil pada tanggal 10 Oktober 2010. Perdana Menteri telah membuat pengumuman meluluskan bayaran ex-gratia kepada anggota yang cacat anggota badan kerana terlibat dalam pertempuran sebelum 1994 akan segera diselesaikan dalam masa terdekat. Terima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana amat prihatin dengan penderitaan yang kami alami. Setelah anggota tercedera dalam pertempuran sebelum 1994 tidak diberikan layanan yang sama seperti anggota yang cedera selepas 1994 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), kami merasakan JPA telah membuat satu kesilapan besar. Umum mengetahui kecederaan yang dialami dan penderitaan yang kami tanggung adalah berbeza sama sekali. Kumpulan kami yang mendapat kecederaan sebelum 1994 adalah disebabkan angkara pengganas komunis, sedangkan anggota yang cedera selepas 1994 kebanyakannya disebabkan oleh kemalangan jalan raya.

Mereka ini telah pun menerima dan menikmati pembayaran yang telah diluluskan oleh kerajaan. Kami masih lagi setia menanti apa yang telah dijanjikan. Apabila pengumuman kelulusan telah diberikan oleh Perdana Menteri sudah semestinya pihak yang bertanggungjawab menyediakan peruntukan kewangan ialah Kementerian Kewangan. Para pegawai Kementerian Kewangan harus segera menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi seperti mana yang diminta oleh Kementerian Pertahanan agar dapat disalurkan dan diurus tadbir oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) Angkatan Tentera Malaysia untuk dibuat pembayaran kepada mereka yang berhak menerimanya. Semestinya dengan janji Perdana Menteri akan segera menyelesaikan pembayaran ex-gratia dalam masa terdekat, diam tak diam sudah hampir lima bulan berlalu hingga ke hari ini, hasilnya belum kelihatan lagi. Dari sumber yang kami peroleh, pihak Kementerian Pertahanan sudah menghantar permohonan ke Kementerian Kewangan untuk memohon peruntukan kewangan bagi pembayaran ex-gratia sejak bulan November 2010. Untuk pengetahuan, kebanyakannya kami sudah meniti usia emas, tidak kurang juga semakin uzur kesihatannya. Sekali lagi kami menyeru dan mengharapkan kepada para pegawai dan kakitangan awam di Kementerian Kewangan yang telah diberi amanah dan kepercayaan untuk mengurus tadbir urusan kewangan negara, segerakanlah permohonan yang dimaksudkan agar dapat dinikmati dan digunakan sebagai keperluan harian. Tahukan anda penantian itu satu penyiksaan, lebih lagi bagi kami yang cacat anggota badan. PEGAWAI WARAN DUA, Veteran OKU sebelum 1994

23 Februari 2011 (Rabu) - Monorel Melaka beroperasi semula



MONOREL Melaka merupakan salah satu kemudahan pengangkutan yang menggigit pelancong Melaka.

MELAKA 23 Feb. - Perkhidmatan Monorel Melaka di Taman Rempah Sungai Melaka di sini kembali beroperasi selepas ditutup tiga minggu bagi kerja-kerja naik taraf, sejak Disember tahun lalu. Pengurus Melaka Taming Sari Bhd., Mohd. Husni Husin berkata, Monorel Melaka beroperasi semula sejak Januari lalu, namun orang ramai tidak mengetahuinya kerana

menyangka ia masih ditutup. Beliau percaya orang ramai masih keliru dengan status monorel tersebut sama ada beroperasi atau tidak disebabkan ia terpaksa ditutup beberapa kali sejak dilancarkan pada 20 Oktober lalu. "Keadaan itu menyebabkan orang ramai keliru dan menyangka monorel ini masih ditutup untuk kerja-kerja pembaikan sedangkan ia telah beroperasi semula sejak Januari lalu. "Monorel Melaka kini dibuka setiap hari bermula pukul 9.30 pagi hingga 10 malam dengan bayaran RM10 bagi dewasa dan RM5 bagi kanak-kanak untuk perjalanan pergi dan balik," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Perkhidmatan monorel bersebelahan Sungai Melaka itu dibina dengan **kos RM15.9 juta** dan dilancarkan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam pada 20 Oktober lalu. Ia menyusuri Sungai Melaka sejauh 1.6 kilometer dari Stesen Hang Jebat di Taman Rempah ke Stesen Hang Tuah di Jalan Bunga Raya sebelum berpatah balik ke Taman Rempah. Bagaimanapun, tidak sampai empat jam ia dilancarkan, monorel di Stesen Hang Jebat terhenti secara tiba-tiba ketika orang ramai berada di dalamnya. Dua hari selepas itu, pada 22 Oktober, ia beroperasi semula selepas masalah teknikal yang disebabkan oleh bekalan kuasa dibaiki, tetapi kembali tergendala pada November lalu. Kali ini, kerosakan berlaku melibatkan roda yang terletak di bawah monorel itu yang patah. Mengulas lanjut Mohd. Husni berkata, semua kerosakan yang berlaku sebelum ini sudah diperbaiki dan menepati semua kriteria keselamatan yang ditetapkan. "Orang ramai tidak perlu bimbang terhadap tahap keselamatan monorel ini. Pengunjung juga akan diberikan potongan harga 20 peratus sekiranya membeli tiket pakej menaiki Monorel Melaka dan Menara Taming Sari di Banda Hilir," katanya. Tambahnya, perkhidmatan Menara Taming Sari juga mengenakan harga tiket sama dengan monorel iaitu RM10 bagi setiap dewasa dan RM5 kanak-kanak. Namun, dengan harga pakej jelasnya, pelancong tempatan berpeluang menaiki kedua-dua produk pelancongan itu dengan harga RM18 bagi setiap dewasa dan RM8 bagi kanak-kanak.

24 Februari 2011 (Khamis) - FRIM adakan MoU dengan empat agensi kerajaan

KUCHING 24 Feb. – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berhasrat mengeratkan lagi jalinan kerjasama dengan pelbagai organisasi serta agensi kerajaan di Sarawak dalam usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pemuliharaan hutan di negeri ini. FRIM dalam kenyataan akhbaranya hari ini memberitahu, pihaknya akan menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan empat pihak iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Sarawak Biodiversity Council, Sarawak Forestry Corporation dan Borneo Biogahru Sdn. Bhd. Sabtu ini. Menurutnya, keempat-empat MoU itu akan diadakan sempena pembukaan Seminar Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) 2011. "Program tersebut dijangka dirasmikan oleh Menteri di Pejabat Ketua Menteri Sarawak, Datin Fatimah Abdullah di Pusat Pendidikan Komuniti Yayasan Sarawak. "Pada seminar ini, FRIM akan melaksanakan Pameran Herba bertema 'Kelestarian Industri Herba Sarawak Melalui Teknologi dan Inovasi,'" kata kenyataan itu di sini. Kenyataan itu menjelaskan, pada seminar itu juga akan dipamerkan pelbagai aktiviti serta penemuan R&D terkini, produk dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan kecantikan berdasarkan herba di samping tumbuhan ubatan.

Perjanjian dengan DBKU pula, FRIM mahu membentuk kerjasama pintar dalam melaksanakan program penyelidikan serta pembangunan yang melibatkan aktiviti mengenalpasti dan membuat inventori pokok-pokok warisan di sekitar DBKU.

25 Februari 2011 (Sabtu) - Perpustakaan desa gagal?



AZMI Esan (tengah) dan Tina Yusop antara pustakawan desa yang masih meneruskan program pinjaman buku dari pintu ke pintu. Kelihatan seorang penduduk, Bahchaur Chu (kiri) memilih buku di Kampung Orang Asli Sungai Odak, Tapah, baru-baru ini.

MENDEPANI senario perkembangan semasa, pembinaan masyarakat berilmu (k-society) amat penting bagi negara menangani pelbagai cabaran globalisasi dan liberalisasi sejagat. Ia berkait rapat dengan langkah membangunkan modal insan

berpengetahuan dan kepakaran tinggi dalam pelbagai disiplin ilmu. Masyarakat berilmu mengikut perspektif Malaysia hendaklah mempunyai dinamika global yang berteraskan jati diri bangsa. Malangnya, sambutan masyarakat terhadap usaha-usaha ini amat kurang sedangkan perjalanan ke arah tahun 2020 semakin hampir. Dalam hubungan ini, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) antara pihak yang berperanan penting menerapkan budaya membaca dan melahirkan masyarakat berilmu. Malang sekali lagi apabila langkah iaitu mewujudkan perpustakaan desa sebagai usaha drastik ‘mendekatkan buku dan masyarakat kampung’ dilihat hanya ‘sekadar ada’ sahaja. Laporan khas oleh wartawan, SITI MARIAM MD. ZAIN dan jurugambar, HAFIZH KHOSMAT menyimpulkan faktor kegagalan ini.

KUALA LUMPUR 25 Feb. – Usaha Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) memperkenalkan perkhidmatan pinjaman buku dari pintu ke pintu bagi meningkatkan budaya membaca di kalangan masyarakat desa tidak mencapai matlamat yang diharapkan. Siasatan Utusan Malaysia mendapati, daripada 1,089 perpustakaan desa yang beroperasi di seluruh negara, tidak sampai 10 peratus mencapai matlamat yang disasarkan menerusi kempen diperkenalkan tersebut. Sedangkan peruntukan untuk membina 475 perpustakaan desa sejak 2005 melebihi RM150 juta, itu belum termasuk kos gaji kakitangan iaitu hampir RM24 juta setahun. Bakinya iaitu 614 perpustakaan desa lagi sebelum itu diletakkan di bawah peruntukan dan kendalian kerajaan negeri masing-masing. Lebih menghamparkan apabila purata nisbah pinjaman buku oleh kira-kira 1.3 juta ahlinya hanya 1:4 setahun berbanding nisbah bacaan buku kebangsaan yang dikeluarkan iaitu 1:8 hingga 12 buku setahun. Dibandingkan dengan nisbah-nisbah tersebut, Malaysia sebenarnya masih jauh ketinggalan untuk mencapai tahap bacaan rakyat di negara-negara maju seperti ditetapkan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) iaitu 1:20 buah buku setahun. Melihat perkembangan terbaru ini, Ketua Pengarah PNM, Datuk Raslin Abu Bakar adalah antara individu yang paling kecewa. “Kita melakukan pelbagai usaha termasuk mengadakan aktiviti melibatkan masyarakat setempat untuk menarik minat mereka mendekati perpustakaan desa. “Malangnya langkah ini belum lagi memberi kesan yang dikehendaki,” katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini. Malah beliau kesal langkah menerapkan budaya membaca terutama di kalangan masyarakat luar bandar menerusi kempen dari pintu ke pintu yang diuar-uarkan sebelum ini belum menampakkan kesan terbaik. “Dalam Konvensyen Perpustakaan Desa di Johor Bahru pada 2009, kita telah menggariskan beberapa resolusi ke arah melahirkan masyarakat membaca termasuk perkhidmatan dari pintu ke pintu. Namun hingga kini matlamat yang kita sasar masih belum dicapai sepenuhnya,” kata beliau. Antara faktor mengekang pencapaian tersebut ialah pegawai perpustakaan gagal melaksanakan peranan mereka dengan baik. “Ada beberapa perkara yang sering ditimbulkan apabila membangkitkan isu kegagalan menjayakan perkhidmatan pintu ke pintu. “Ini termasuklah soal kedudukan pegawai perpustakaan sebagai kakitangan kontrak, aspek keselamatan ketika menjalankan tugas dan elau pengangkutan.

“Semua isu ini sedang kita perhalusi dan perbincangan juga sedang dijalankan bagi mengatasi segala kekangan yang berlaku,” katanya. Mengulas lanjut, katanya, di sebalik kegagalan matlamat sebahagian besar perpustakaan desa tersebut, tidak dinafikan masih ada yang berjaya. “Bukan semua perpustakaan desa gagal, ada yang menunjukkan pencapaian cemerlang hasil komitmen pegawai dan kakitangannya. Sikap seperti ini yang seharusnya dijadikan contoh oleh mereka,” katanya.

27 Februari 2011 (Ahad) - Perkeso Melaka bayar faedah lebih RM12 juta tahun lepas

JASIN 27 Feb. - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Melaka membayar faedah lebih RM12 juta kepada pencarumnya melalui pelbagai skim pertubuhan itu tahun lepas. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Maznah Mazlan berkata, pembayaran itu melibatkan 3,923 pencarum yang mengalami kemalangan di tempat kerja. "Jumlah pembayaran faedah meningkat berbanding lebih RM11.31 juta tahun 2009," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Cek Faedah dan Alat Pemulihan Perkeso di Dewan Haji Ahmad Ithnin di Merlimau di sini, hari ini. – Bernama.

27 Februari 2011 (Ahad) - RM417j projek infrastruktur perkampungan Orang Asli



Shafie Apdal bersalaman dengan penduduk Orang Asli Kampung Paya Sendayan di Temerloh, kelmarin.

TEMERLOH 27 Feb. - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membelanjakan sebanyak **RM417 juta** bagi melaksanakan pelbagai projek infrastruktur untuk masyarakat Orang Asli di negara ini, sejak lima tahun lalu. Menterinya, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, peruntukan itu digunakan untuk pelbagai projek termasuk bekalan air bersih, infrastruktur,

penempatan dan aktiviti pembangunan sosioekonomi di perkampungan Orang Asli di seluruh negara. Katanya, projek yang dilaksanakan itu memberi manfaat besar kepada masyarakat tersebut untuk meningkatkan taraf hidup mereka setanding dengan masyarakat lain di negara ini. "Peruntukan itu turut dibelanjakan untuk meningkatkan pendidikan anak Orang Asli selain pelaksanaan projek kemudahan asas di 869 kampung yang dinikmati oleh 13,000 keluarga," katanya kepada pemberita selepas majlis ramah mesra bersama penduduk Orang Asli Kampung Paya Sendayan, di sini semalam.

Mohd. Shafie berkata, kesedaran masyarakat Orang Asli terhadap pendidikan semakin baik sejak kebelakangan ini dengan menyaksikan ramai ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah. Katanya, pencapaian pendidikan pelajar anak Orang Asli meningkat setiap tahun yang membuktikan mereka ada keupayaan dan minat mengejar kemajuan pendidikan sehingga ke peringkat lebih tinggi. Tambahnya, kerajaan akan memastikan semua aktiviti pembangunan sosioekonomi dapat memberi faedah kepada masyarakat itu bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Mohd. Shafie menegaskan, antara hala tuju kementerian selain bantuan pendidikan adalah melahirkan individu Orang Asli berkemahiran dalam bidang tertentu bagi meningkatkan kualiti hidup mereka. Di samping itu katanya, kementeriannya melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) mengadakan program kesedaran penjagaan kesihatan dengan melaksanakan aktiviti pendidikan dan kem-kem kesihatan. "Bagi tujuan itu, kementerian membelanjakan sebanyak RM1 juta bagi melaksanakan program klinik bergerak untuk membantu merawat kesihatan masyarakat Orang Asli," katanya. Katanya, usaha itu akan dipertingkatkan dalam memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk kawasan pedalaman menerusi Perkhidmatan Doktor Udara dan lawatan klinik bergerak yang lebih tersusun dan menyeluruh.



MARDI sentiasa menjana teknologi untuk dikomersialkan kepada golongan peladang, penternak dan nelayan serta IKS

Setakat ini sebanyak 741 teknologi telah dihasilkan oleh MARDI sejak tahun 1972 sehingga 2010. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 110 teknologi telah berjaya dikomersialkan melalui perlesenan, perundingan, inkubator, TechnoFund dan *public goods*. Jumlah teknologi produk makanan yang telah diguna pakai oleh usahawan IKS adalah sebanyak 240 jenis daripada pelbagai kluster produk makanan. Ia

merangkumi lebih kurang 21 peratus daripada teknologi produk yang ada di MARDI. Jumlah setiap kluster produk adalah berbeza. Contohnya hasilan ikan ialah 12.5 peratus dan makanan ringan atau snek 28 peratus. Sebanyak 76 teknologi dijana dalam setahun (tahun 2010) dan tidak kurang 14 peratus dikomersialkan. Selain inovasi-inovasi terbaru MARDI, satu lagi teknologi yang tidak kurang pentingnya ialah Mesin Penabur Baris Padi Jenis Traktor Untuk Bendang. Kaedah menanam padi terus berkembang daripada menggunakan kuku kambing bagi mengubah anak benih padi kepada kaedah tabur serak dan terkini mesin tabur dalam baris. Bagaimanapun teknik tanaman dalam baris yang dahulunya menggunakan tenaga manusia yang mana mesin tersebut perlu dipikul.

Perekanya - Pegawai Penyelidik Prinsipal, Sistem Elektronik dan Bangunan Persekutaran, Pusat Penyelidikan Automasi dan Mekanisasi, MARDI, Dr. Chan Chee Wan telah menaiktaraf mesin berkenaan. Membandingkan tiga kaedah yang digunakan, Dr. Chan Chee Wan berkata, tabur serak walaupun murah tetapi mempunyai banyak masalah. Dr. Chan berkata, kaedah tanam secara terus dalam baris banyak digunakan tetapi tidak menggunakan mesin. "Teknik konvensional memerlukan kos yang tinggi kerana penggunaan tenaga buruh yang banyak. "Misalnya mencerung memerlukan kos yang tinggi sekitar RM1,000 sehektar manakala tabur serak hanya RM350 sehektar, sementara tabur baris pula memakan belanja RM350 hingga RM400 sehektar," katanya.

Teknik tabur baris menggunakan traktor kecil yang diubahsuai dengan berat antara 350 hingga 500 kg dan ia tidak mudah terbenam di sawah. Teknik tabur baris menggunakan traktor boleh menanam sehingga enam hektar sehari dengan seorang pekerja. Manakala teknik mencerung hanya boleh menanam 1.2 hingga 1.5 hektar sehari dengan seorang pekerja. "Teknik tabur baris juga lebih cepat dan menepati jadual penanaman padi sekarang yang lebih cepat," katanya.

Beliau menjangka penggunaan mesin tabur baris menggunakan traktor yang lebih cepat dengan kos yang rendah membolehkan pesawah mendapat keuntungan yang lebih besar. Anggaran kos bagi teknik mencerung termasuk pusat semai seluas 10.11 hektar bagi kawasan sawah 1,600 hektar dengan kapasiti semai tikar sebanyak 500,000 setahun dengan 20 unit mesin memerlukan **kos RM8.1 juta**. Jika dibandingkan dengan teknik tabur baris menggunakan traktor bagi kawasan sawah padi seluas 1,600 hektar menggunakan tujuh buah mesin dengan 40 hari bekerja semusim. Ia hanya memerlukan kos antara RM 280,000 dan RM 400,000. "Ini bergantung kepada kos mesin sekirat RM35,000 hingga RM55,000 seunit oleh syarikat Oryza Mechanique Sdn. Bhd. yang dilesenkan untuk mengkomersialkan mesin tabur baris menggunakan traktor," katanya. Mesin yang telah diguna pakai di sawah padi di Simpang Empat, Alor Setar, Kedah pada musim yang lalu mendapat sambutan menggalakkan di kalangan petani. Chee Wan berkata, penggunaan mesin tersebut dapat mengurangkan penggunaan biji benih sehingga 40 hingga 50 peratus. Selain itu, kaedah tersebut dapat mengurangkan masalah pokok rebah sehingga 80 peratus berbanding tabur serak. "Keistimewaan kaedah ini dapat dilihat dengan dua petak bersebelahan di mana satu petak ditanam secara tabur serak dan sebelah lagi secara tabur baris menggunakan traktor. "Padi yang ditanam dengan teknik tabur baris menggunakan traktor hanya lima peratus dijangkiti bina perang berbanding 40 peratus pada petak tabur serak," katanya.